



**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

NOTIS SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang	Tempoh Pembukaan Sebutharga	Tarikh Tutup
24 / 2014	Perkhidmatan Penulisan Profesional dan Pengurusan Media (September 2014 – Disember 2015)	222001; 222002; 222004; dan 222009	25 Ogos 2014 hingga 1 September 2014	1 September 2014 pukul 12.00 tengah hari

2. Pembekal yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang Baru dan peraturan baru pendaftaran mulai 17 Julai 2012. Sila rujuk laman sesawang rasmi e-Perolehan di www.eperolehan.gov.my untuk maklumat lanjut. Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di dalam laman sesawang SME Corp. Malaysia. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
3. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen sepertimana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga.
4. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebutharga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Aras 5, SME 1, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

5. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
6. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Sekiranya Pembekal tidak menerima apa-apa tawaran daripada SME Corp. Malaysia mengenai Sebutharga ini dalam tempoh 90 hari daripada tarikh pelawaan, Pembekal adalah dianggap tidak berjaya. Makluman mengenai Pembekal yang dilantik akan dimuatnaik di laman sesawang rasmi SME Corp. Malaysia.
8. SME Corp. Malaysia telah melaksanakan perolehan secara elektronik (ePerolehan) mulai Januari 2011. Dalam hal ini, pembekal adalah diminta untuk membuat pendaftaran di laman web: www.sennego.com. Sila hubungi pusat khidmat pelanggan commerce.com di talian 03-7787 9734/9728 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.